



**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua**

**Sidang Akademik 1998/99**

**Februari 1999**

**EBS 409/2 - UNDANG-UNDANG PERLOMBONGAN**

**Masa: [2 jam]**

---

**Arahan Kepada Calon :**

Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi **LIMA (5)** mukasurat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi dua Bahagian iaitu **Bahagian A** yang terdiri daripada **TIGA (3)** soalan dan **Bahagian B** yang terdiri daripada **TIGA (3)** soalan.

Anda diperlukan menjawab **DUA (2)** soalan di **Bahagian A** dan **2 soalan** di **Bahagian B**.

Semua soalan **MESTILAH** dijawab di dalam Bahasa Malaysia dan jawapan bermula dengan mukasurat yang baru.

...2/-

**BAHAGIAN A**

1. (a) Terangkan tentang perkara-perkara yang perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum satu permohonan boleh dikemukakan ke Pejabat Tanah untuk mendapatkan satu pajakan melombong ke atas sebidang tanah kerajaan.

(30 markah)

- (b) Senaraikan hak-hak termaklum seorang pemajak Pajakan Melombong seperti tersebut di bawah Seksyen 14 dalam Enakmen Perlombongan Bab 147.

(30 markah)

- (c) Di bawah Seksyen 21, Enakmen Perlombongan Bab 147, sesuatu Pajakan Melombong yang sudah dikeluarkan boleh ditarik balik/dibatalkan oleh Kerajaan Negeri jika syarat-syarat tertentu tidak dipatuhi. Sebutkan syarat-syarat tersebut.

(40 markah)

2. (a) Terangkan tentang prosedur bagi mendapatkan lesen untuk lombong haiderol (hydraulic mining).

(50 markah)

...3/-

- (b) Terangkan tentang syarat-syarat yang biasanya terdapat dalam lesen lombong haiderol.

(50 markah)

3. (a) Permukaan kerja sebuah lombong dedah sedang menghampiri jalan keretapi. Terangkan tentang peraturan-peraturan yang mesti dipatuhi oleh majikan lombong tersebut.

(60 markah)

- (b) Jika kedalaman maksimum lombong dedah berhampiran jalan keretapi ialah 250 kaki di bawah paras jalan keretapi, kirakan jarak minimum mengufuk dari jalan keretapi hingga ke kaki undak-undak yang terdalam sekali.

(40 markah)

...4/-

**BAHAGIAN B**

4. Anda ialah seorang pengurus bagi sebuah lombong di negeri Perak. Lombong ini sedang bekerja di kawasan sentuhan batuan granit dan batu kapur. Anda dapati bahawa batuan granit yang terdapat di lombong ini adalah sesuai bagi pengeluaran batuan agregat. Pasa masa ini terdapat permintaan yang baik untuk batu agregat kerana kegiatan pembangunan sedang dijalankan di tempat yang tidak berapa jauh daripada lombong anda.

Maka anda merancang untuk mengkuari batuan granit yang ada sementara kegiatan melombong masih diteruskan. Kegiatan kuari ini akan melibatkan kegiatan pengerudian dan peletupan.

Gariskan tindakan-tindakan yang perlu dilakukan oleh anda menurut keperluan Kanun Tanah Negara, Kaedah-Kaedah Kuari Perak 1992 dan Akta Bahan Letupan 1957 bagi membolehkan anda menjalankan kegiatan kuari sementara perlombongan masih dijalankan.

(100 markah)

5. a) Nyatakan perkara-perkara yang diperlukan daripada seseorang yang ingin memperolehi "Lesen untuk Menyimpan dan Menggunakan Bahan Letupan" di bawah Kaedah 8, Kaedah-Kaedah Bahan Letupan 1923.

(30 markah)

- b) Dalam peletupan, apakah yang dimaksudkan dengan "bahan letupan seketika maksimum" (maximum instantaneous charge)?

(20 markah)

...5/-

- c) Sebuah kuari batu kapur terletak lebih kurang 600 meter dari sebuah rumah yang terdekat di suatu kampung dan 200 meter daripada jalan raya yang terdekat. Jabatan Galian telah mengenakan syarat ke atas kuari supaya menjalankan kegiatan peletupan dengan tidak mengeluarkan gegaran melebihi daripada 5 mm/s di rumah yang terdekat dan 10 mm/s di jalan raya yang terdekat.

Dengan menggunakan persamaan berikut :-

$$V = k \left( \frac{D}{\sqrt{W}} \right)^\beta$$

dengan tatatanda yang lazim.

k dan  $\beta$  adalah pemalar di lapangan dengan masing-masing bernilai 2892 dan -2.61.

Dapatkan "bahan letupan seketika maksimum" yang dibenarkan dan bagaimanakah nilai ini digunakan dalam rekabentuk peletupan?

(50 markah)

6. a) Apakah bezanya di antara Enakmen Perlombongan yang berkuatkuasa sekarang dengan Akta Pembangunan Mineral 1994 dan kenapakah Akta Pembangunan Mineral belum lagi dikuatkuasakan sehingga sekarang?

(50 markah)

- b) Walaupun Akta Pembangunan Mineral belum lagi dikuatkuasakan, nyatakan sebab-sebab mengapa Akta ini digubal.

(50 markah)

ooOoo